



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

1. Takrifan

- *Pemilihan Parti* merujuk kepada satu-satu pemilihan bagi memilih Jawatan-jawatan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Parti atau ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat. Satu-satu Pemilihan Parti dianggap selesai apabila acara-acara menurut Peraturan 9 telah dilaksanakan.
- *Jawatankuasa Pemilihan Pusat* adalah badan utama yang mengawal selia Pemilihan Parti menurut Peraturan 2.
- *Penyelaras Pemilihan* adalah orang yang dilantik JPP untuk mengendalikan satu-satu acara Pemilihan Parti menurut Peraturan 3.
- *Daftar Anggota Parti* adalah Daftar Anggota seperti yang diperuntukkan dalam Fasal 12 Perlembagaan Parti dan layak mengambil bahagian dalam satu-satu Pemilihan Parti menurut Peraturan 4.
- *Notis Pemilihan Parti* adalah makluman adanya satu-satu Pemilihan Parti kepada anggota-anggota Parti yang berkenaan.
- *Hari Pencalonan* adalah hari untuk mengemukakan pencalonan bagi satu-satu Pemilihan Parti.
- *Hari Pengundian* adalah hari yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pusat untuk menjalankan pengundian.
- *Senarai Pencalonan* adalah nama-nama calon yang dikemukakan semasa Hari Pencalonan dan belum disahkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pusat.
- *Senarai Calon* adalah nama-nama calon yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pusat.
- *Perwakilan yang layak memilih* adalah seperti yang berikut:

Perwakilan Kongres Nasional- mereka yang layak memilih adalah terdiri daripada Pengerusi Tetap Kongres, Timbalan Pengerusi Tetap Kongres, Ahli Majlis Pimpinan Pusat, 46 Perwakilan Jawatankuasa Cabang, 40 Perwakilan Biasa Cabang dan Perwakilan Tambahan yang akan dipilih oleh anggota Cabang di dalam pemilihan Cabang mengikut Peraturan Pemilihan yang dikeluarkan oleh Majlis Pimpinan Pusat, ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Perwakilan Kongres Nasional Wanita- mereka yang layak memilih adalah terdiri daripada Pengerusi Tetap Kongres, Timbalan Pengerusi Tetap Kongres, Ahli Majlis Pimpinan Wanita Pusat, 10 Perwakilan Jawatankuasa Wanita Cabang, 20 Perwakilan Biasa Wanita Cabang, Perwakilan Wanita Tambahan, anggota wanita yang menjadi ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), tiga (3) orang Ahli Majlis Pimpinan Pusat yang diputuskan dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat sebagai wakil.



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

Perwakilan Kongres Nasional AMK- mereka yang layak memilih adalah terdiri daripada Pengerusi Tetap Kongres, Timbalan Pengerusi Tetap Kongres, Majlis Pimpinan Angkatan Muda Keadilan, Perwakilan Jawatankuasa Angkatan Muda Keadilan Cabang, Perwakilan Biasa Angkatan Muda Keadilan Cabang, Perwakilan Tambahan yang akan dipilih oleh anggota Angkatan Muda Keadilan Cabang di dalam pemilihan cabang mengikut peraturan pemilihan yang dikeluarkan oleh Majlis Pimpinan Pusat, Tiga (3) orang Ahli Majlis Pimpinan Pusat yang diputuskan dalam mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat sebagai wakil.

Perwakilan Jawatankuasa Cabang - adalah Empat Puluh Enam (46) orang anggota Cabang seperti di Tatacara Pemilihan Perwakilan.

Perwakilan Biasa Cabang - adalah senarai akhir yang diputuskan oleh JPP berdasarkan senarai pencalonan yang dikemukakan oleh calon-calon Ketua Cabang, Calon-calon Ketua Wanita Cabang, Calon calon Ketua Angkatan Muda Keadilan Cabang seperti di Tatacara Pemilihan Perwakilan

Perwakilan Tambahan Cabang - adalah penambahan jumlah perwakilan bagi Cabang yang memiliki melebihi tiga ribu (3000) anggota seperti mana di Tatacara Pemilihan Perwakilan.

2. Jawatankuasa Pemilihan Pusat

- 2.1. Majlis Pimpinan Pusat hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilihan Pusat yang menjadi badan utama mengawal selia sesuatu Pemilihan Parti menurut Fasal 47.1 Perlembagaan Parti.
- 2.2. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan sekurang- kurangnya enam (6) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Pimpinan Pusat dari kalangan anggota Parti. Ahli Jawatankuasa Pemilihan Pusat tidak boleh bertanding dalam mana-mana Pemilihan Parti semasa masih memegang Jawatan.
- 2.3. Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan Pusat akan memegang Jawatan selama tiga (3) tahun dari tarikh pelantikan oleh Majlis Pimpinan Pusat atau sehingga Majlis Pimpinan Pusat melantik Jawatankuasa Pemilihan Pusat yang baru.



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

- 2.4. Kuasa dan tanggung jawab Jawatankuasa Pemilihan Pusat adalah:
- Menyediakan peraturan-peraturan kecil, garis panduan atau tatacara untuk Pemilihan Parti.
 - Melantik Penyelaras Pemilihan untuk mengendalikan satu-satu acara Pemilihan Parti.
 - Melantik mana-mana orang atau menubuhkan apa-apa jawatankuasa kecil bagi membantu Jawatankuasa Pemilihan Pusat mengawal selia Pemilihan Parti.
 - Mengesahkan senarai pencalonan.
 - Mengesahkan dan mengumumkan keputusan Pemilihan Parti yang dijalankan.
 - Mengendalikan semua aduan yang berkaitan Pemilihan Parti.
- 2.5. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan Pusat terhadap hal ehwal Pemilihan Parti adalah muktamad.

3. Penyelaras Pemilihan

- 3.1. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah melantik Penyelaras Pemilihan untuk menyelaraskan pemilihan fizikal.
- 3.2. Penyelaras Pemilihan hendaklah dipastikan bukan anggota KEADILAN dan semua pelantikan tersebut hendaklah melalui tapisan temuduga dan menandatangani kontrak kerja di Ibu Pejabat Parti.
- 3.3. Kuasa dan tanggungjawab Penyelaras Pemilihan hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pusat.
- 3.4. Penyelaras Pemilihan hendaklah menjalankan Pemilihan Parti mengikut peraturan, garis panduan, tatacara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pusat atau arahan Jawatankuasa Pemilihan Pusat. Keputusan yang dibuat oleh Penyelaras Pemilihan tertakluk kepada keputusan muktamad Jawatankuasa Pemilihan Pusat.

4. Senarai Pengundi

- 4.1. Setiap anggota perlu mengemaskini data peribadi melalui atas talian (eKYC), daftar sebagai pengundi atas talian atau fizikal (bagi yang layak) dan wajib membayar yuran keanggotaan sebelum tamat tempoh yang ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Agung.
- 4.2. Seseorang anggota Parti yang layak untuk memilih dalam satu-satu Pemilihan Parti adalah seperti berikut:
- Diperuntukkan oleh Perlembagaan Parti atau
 - Ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

- 4.3. Senarai Pengundi adalah sepertimana berikut:-
 - a. Daftar Anggota Parti bagi pemilihan di peringkat Cabang
 - b. Senarai Perwakilan bagi pemilihan di peringkat Pusat
- 4.4. Bagi satu-satu Pemilihan Parti, Majlis Pimpinan Pusat hendaklah menetapkan dan mengesahkan satu Daftar Anggota Parti, yang dikeluarkan menurut syarat-syarat kelayakannya yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Parti atau yang ditentukan oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- 4.5. Ibu Pejabat Parti hendaklah mengeluarkan dan menyerahkan Daftar Anggota Parti tersebut kepada Jawatankuasa Pemilihan Pusat dan Cabang yang terbabit sebelum satu-satu pemilihan parti bermula.
- 4.6. Bagi satu-satu Pemilihan Parti di peringkat Pusat, Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah menetapkan dan mengesahkan satu Senarai Perwakilan, yang dikeluarkan menurut syarat-syarat kelayakannya yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Parti atau yang ditentukan oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- 4.7. Calon-calon yang bertanding di peringkat Cabang akan dikenakan bayaran untuk mendapatkan Daftar Anggota Parti yang layak mengundi manakala calon - calon yang bertanding bagi jawatan di peringkat Pusat akan dikenakan bayaran untuk mendapatkan senarai Perwakilan.

5. Tarikh dan Jadual Pemilihan Parti

- 5.1. Tarikh untuk satu-satu Pemilihan Parti hendaklah ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat.
- 5.2. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah menetapkan satu jadual untuk menjalankan acara-acara Pemilihan Parti termasuk:
 - a. Notis Pencalonan Parti
 - b. Hari Pencalonan
 - c. Pameran Senarai Pencalonan
 - d. Tempoh Penarikan Diri dan Bantahan Pencalonan
 - e. Notis Pengundian (jika ada pertandingan)
 - f. Pameran Senarai Calon
 - g. Hari Pengundian



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

6. Pencalonan

- 6.1. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah menentukan:
 - a. Tempoh masa untuk menerima borang pencalonan.
 - b. Hari pencalonan, tempat dan waktunya.
- 6.2. Jawatankuasa Pemilihan Pusat boleh memanjangkan tempoh pencalonan dan menetapkan semula Hari Pencalonan.
- 6.3. Seseorang calon layak dipilih jika memenuhi syarat berikut:
 - a. Diperuntukkan oleh Perlembagaan Parti atau
 - b. Ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat, dan
 - c. Untuk pencalonan bagi peringkat Cabang, mendapat Pencalonan daripada dua (2) orang anggota yang layak mengundi dari Cabang yang berkenaan.
 - d. Untuk pencalonan bagi Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden, dua puluh (20) jawatan di peringkat Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP), Ahli Majlis Pimpinan Wanita Pusat (MPWP) dan Ahli Majlis Pimpinan Angkatan Muda Pusat (MPAMKP), pencalonan boleh dari kalangan dua (2) orang anggota dari mana-mana cabang atau sayap-sayap yang berkenaan.
 - e. Bagi calon-calon di peringkat Majlis Pimpinan Pusat, Ketua Wanita Pusat dan Timbalan Ketua Wanita Pusat, Ketua Angkatan Muda KEADILAN dan Timbalan Ketua Angkatan Muda KEADILAN, dan calon-calon di peringkat Cabang hendaklah menjadi anggota Parti selama tempoh tidak kurang daripada dua belas (12) bulan dari tarikh Majlis Pimpinan Pusat menetapkan Daftar Pemilih Parti untuk Pemilihan Parti berkenaan.
 - f. Kecuali Ketua Angkatan Muda KEADILAN dan Timbalan Ketua Angkatan Muda KEADILAN, calon-calon di peringkat Angkatan Muda Keadilan hendaklah menjadi anggota Parti tidak kurang daripada enam (6) bulan dari tarikh Majlis Pimpinan Pusat menetapkan Daftar Pemilih Parti untuk Pemilihan Parti berkenaan.
 - g. Menjelaskan Yuran Pencalonan menurut jumlah yang telah ditetapkan oleh Majlis Pimpinan Pusat seperti dilampirkan dalam Jadual B.
 - h. Tidak dilarang untuk memegang jawatan dalam satu-satu pertubuhan mengikut Akta Pertubuhan 1996 (muflis, terkait sabitan jenayah)
 - i. Presiden setelah berbincang dalam Biro Politik, boleh mengecualikan syarat tempoh menjadi anggota KEADILAN seperti di perkara d. dan e. ini kepada mana-mana anggota yang tidak cukup tempoh keanggotaannya.
 - j. Calon-calon yang bertanding hendaklah menjelaskan tunggakan atau sumbangan mereka kepada Parti sekiranya ada sebelum hari pencalonan. Sekiranya terdapat tunggakan atau sumbangan yang belum dijelaskan kepada Parti, JPP boleh menolak pencalonan tersebut.



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

- 6.4. Satu-satu pencalonan hendaklah dianggap tidak berlangsung dengan sempurna sekiranya berlaku salah satu daripada yang berikut:
 - a. Tiada pencalonan dikemukakan bagi satu-satu kategori jawatan.
 - b. Bilangan pencalonan yang dikemukakan bagi satu-satu jawatan adalah kurang daripada satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah jawatan yang dipertandingkan.
 - c. Calon-calon yang memegang jawatan Ketua Cabang atau Setiausaha Cabang sebelum pemilihan yang baharu yang gagal menyerahkan dokumen Mesyuarat Agung Tahunan Cabang (MATC) pada tahun semasa seperti diarahkan oleh Setiausaha Agung, akan digugurkan pencalonannya.
- 6.5. Senarai Pencalonan hendaklah dipamerkan seberapa segera selepas selesai pencalonan. Tempoh semakan dan bantahan pencalonan adalah bermula pada hari Senarai Pencalonan itu dipamerkan.
- 6.6. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah menetapkan tempoh masa bagi semakan dan bantahan pencalonan. (Rujuk perkara 10 Tatacara Bantahan dan Semakan Pencalonan)
- 6.7. Seseorang calon boleh menarik diri dari bertanding dan Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah menetapkan tempoh masa yang sesuai bagi membolehkan namanya dikeluarkan daripada Pengundian dan yuran pencalonan tidak akan dikembalikan sebagaimana perkara 11.3 Tatacara Penarikan Diri.
- 6.8. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah mengesahkan satu Senarai Calon yang telah diambil kira bantahan pencalonannya dan penarikan diri calon. Senarai ini hendaklah digunakan pada Hari Pengundian.
- 6.9. Susunan Calon dalam Senarai Calon hendaklah ditentukan melalui kaedah masa penghantaran borang pencalonan secara atas talian; atau mengikut keputusan yang sesuai yang ditentukan oleh JPP dan susunannya hendaklah tidak berubah dalam kertas undi.
- 6.10. Jika sekiranya bilangan calon yang telah disahkan pencalonannya bagi satu-satu Jawatan adalah sama atau kurang daripada jumlah Jawatan yang dipertandingkan, maka calon-calon berkenaan hendaklah dianggap menang tanpa bertanding dan jawatan yang masih kosong hendaklah tidak diisi dalam Pemilihan Parti itu.
- 6.11. Jika sekiranya bilangan calon yang telah disahkan pencalonannya bagi satu-satu jawatan adalah lebih daripada jumlah jawatan yang dipertandingkan, maka Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah mengadakan suatu Pengundian dan calon hendaklah dianggap menang sekiranya calon itu mendapat bilangan undi tertinggi sehingga semua jawatan diisi.



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

7. Cara Pengundian

- 7.1. Pengundian hendaklah dijalankan secara elektronik (e-undi) melalui pengundian atas talian atau fizikal di aplikasi atau laman sesawang ADIL.
- 7.2. Pengundian atas talian adalah wajib bagi anggota yang berusia Enam Puluh (60) tahun dan ke bawah. Pengecualian diberikan kepada anggota yang berusia Enam Puluh (60) tahun ke atas dan/atau di kawasan pedalaman yang mempunyai capaian internet yang lemah, pilihan diberi untuk mengundi secara atas talian ataupun di pusat pengundian fizikal tertakluk kepada sebarang perubahan yang difikirkan perlu oleh JPP.
- 7.3. Bagi pengundian jawatan Pimpinan Pusat, pengundian secara Perwakilan di dalam Kongres Nasional hanya dibuka kepada jawatan seperti yang ditetapkan dalam Jadual A.
- 7.4. Bagi pengundian di peringkat Cabang, pengundian secara langsung daripada anggota adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual A. Bagi setiap jawatan yang layak diundinya, setiap pengundi berhak mengundi sebanyak bilangan calon yang ada mengikut bilangan undi seperti yang ditetapkan dalam Jadual A.

8. Pengiraan dan Keputusan Pemilihan

- 8.1. Pengiraan undi yang disimpan di Peti Undi Mega hendaklah dikira secara automatik dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas berakhirnya tempoh pengundian bagi pengundian secara langsung dan dua puluh empat (24) jam selepas berakhirnya tempoh pengundian bagi pengundian secara perwakilan.
- 8.2. Jika terdapat lebih dari satu calon memperoleh jumlah undi yang sama, calon yang terpilih hendaklah ditentukan melalui cabut undi.
- 8.3. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah mempamerkan keputusan pengiraan undi di aplikasi dan laman sesawang ADIL sejurus selepas berakhirnya pengiraan undi.



Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

9. Perjalanan Pemilihan Parti

- 9.1. Suatu Pemilihan Parti dianggap selesai apabila acara-acara berikut telah terlaksana mengikut aturannya:
 - a. Makluman tentang adanya Pemilihan Parti.
 - b. Adanya Pencalonan.
 - c. Adanya Pengundian jika terdapat pertandingan.
 - d. Adanya Pengiraan Undi dan pengumuman keputusannya selepas pengundian.
- 9.2. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah mengeluarkan apa-apa arahan dan menyediakan garis panduan atau tatacara bagi memastikan kesempurnaan acara-acara Pemilihan Parti tersebut
- 9.3. Jawatankuasa Pemilihan Pusat berhak mengesahkan, membatalkan, dan mengadakan semula salah satu atau ke semua perkara di atas sekiranya didapati tidak sempurna dijalankan.

10. Aduan

- 10.1. Sebarang ketidakpuasan hati terhadap perjalanan satu-satu Pemilihan Parti atau keputusan Pemilihan Parti tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan Pusat dalam tempoh yang ditetapkan Jawatankuasa Pemilihan Pusat.
- 10.2. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah merujuk sebarang perkara berkaitan disiplin anggota parti dalam Pemilihan Parti kepada Jawatankuasa Aduan di bawah JPP. Jika perkara yang dirujuk itu boleh menjejaskan mana-mana acara dan keputusan dalam Pemilihan Parti itu, Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah menangguhkan keputusannya sehingga proses disiplin selesai, tetapi jika sebaliknya Jawatankuasa Pemilihan Pusat boleh meneruskan keputusannya.
- 10.3. Selain diperuntukkan di dalam peraturan ini, setiap aduan perjalanan pemilihan yang hendak dikemukakan oleh mana-mana calon atau anggota hendaklah dibuat dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari dakwaan berlakunya sesuatu insiden di perkara 10.1.
- 10.4. Semua aduan termasuk melibatkan perkara disiplin hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa tidak melebihi tiga (3) bulan daripada aduan tersebut dikemukakan.
- 10.5. Jawatankuasa Pemilihan Pusat berkuasa membatalkan mana-mana keputusan Pemilihan Parti yang dianggapnya tidak sah dan keputusan tersebut adalah muktamad.
- 10.6. Jawatankuasa Pemilihan Pusat hendaklah memastikan dokumen-dokumen pemilihan Parti seperti Daftar Anggota Parti, Senarai Perwakilan, Kertas Undi Digital dan keputusan pengiraan disimpan sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Pengundian.



PARTI KEADILAN RAKYAT

Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

Jadual A - Jawatan Dipertandingkan dan Bilangan Undi

Jawatan-Jawatan yang dipertandingkan dalam Pemilihan Parti dan bilangan calon yang dibenarkan diundi.

Jawatan-Jawatan Peringkat Pusat

Majlis Pimpinan Pusat

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|----------------------------|----------------|---------------|
| Presiden | 1 | 1 |
| Timbalan Presiden | 1 | 1 |
| Naib Presiden | 4 | 4 |
| Ahli Majlis Pimpinan Pusat | 20 | 20 |

Majlis Pimpinan Angkatan Muda Keadilan

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|------------------------------------|----------------|---------------|
| Ketua AMK | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua AMK | 1 | 1 |
| Naib Ketua AMK | 3 | 3 |
| Ahli Majlis Pimpinan Angkatan Muda | 20 | 20 |

Majlis Pimpinan Wanita Keadilan

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|-----------------------------|----------------|---------------|
| Ketua Wanita | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Wanita | 1 | 1 |
| Naib Ketua Wanita | 3 | 3 |
| Ahli Majlis Pimpinan Wanita | 20 | 20 |

Jawatan-Jawatan Peringkat Cabang

Jawatankuasa Cabang

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|--------------------------|----------------|---------------|
| Ketua Cabang | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Cabang | 1 | 1 |
| Naib Ketua Cabang | 1 | 1 |
| Ahli Jawatankuasa Cabang | 15 | 15 |

Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|--|----------------|---------------|
| Ketua Angkatan | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Angkatan Muda Cabang | 1 | 1 |
| Naib Ketua Angkatan Muda Cabang | 1 | 1 |
| Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang | 15 | 15 |

Jawatankuasa Wanita Cabang

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|---------------------------------|----------------|---------------|
| Ketua Wanita Cabang | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Wanita Cabang | 1 | 1 |
| Naib Ketua Wanita Cabang | 1 | 1 |
| Ahli Jawatankuasa Wanita Cabang | 7 | 7 |



PARTI KEADILAN RAKYAT

Peraturan Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

Jadual B - Yuran Pencalonan

Yuran Pencalonan bagi Jawatan-Jawatan Peringkat Pusat

Majlis Pimpinan Pusat

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|----------------------------|------------------|
| Presiden | RM50,000 |
| Timbalan Presiden | RM35,000 |
| Naib Presiden | RM25,000 |
| Ahli Majlis Pimpinan Pusat | RM10,000 |

Majlis Pimpinan Wanita Keadilan

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|-----------------------------|------------------|
| Ketua Wanita | RM25,000 |
| Timbalan Ketua Wanita | RM10,000 |
| Naib Ketua Wanita | RM6,000 |
| Ahli Majlis Pimpinan Wanita | RM3,000 |

Majlis Pimpinan Angkatan Muda Keadilan

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|------------------------------------|------------------|
| Ketua AMK | RM25,000 |
| Timbalan Ketua AMK | RM10,000 |
| Naib Ketua AMK | RM6,000 |
| Ahli Majlis Pimpinan Angkatan Muda | RM3,000 |

Yuran Pencalonan bagi Jawatan-Jawatan Peringkat Cabang

Jawatankuasa Cabang

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|--------------------------|------------------|
| Ketua Cabang | RM600 |
| Timbalan Ketua Cabang | RM200 |
| Naib Ketua Cabang | RM150 |
| Ahli Jawatankuasa Cabang | RM60 |

Jawatankuasa Wanita Cabang

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|---------------------------------|------------------|
| Ketua Wanita Cabang | RM150 |
| Timbalan Ketua Wanita Cabang | RM90 |
| Naib Ketua Wanita Cabang | RM60 |
| Ahli Jawatankuasa Wanita Cabang | RM30 |

Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|--|------------------|
| Ketua Angkatan | RM150 |
| Timbalan Ketua Angkatan Muda Cabang | RM90 |
| Naib Ketua Angkatan Muda Cabang | RM60 |
| Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang | RM30 |

A - MAKLUMAN PEMILIHAN

1. NOTIS PEMILIHAN PARTI

- 1.1. Satu Notis Pemilihan Parti menurut Fasal 47.4 Perlembagaan Parti akan dikeluarkan apabila satu- satu Pemilihan Parti dipanggil.
- 1.2. Jawatankuasa Pemilihan Pusat (JPP) akan menetapkan satu jadual untuk menjalankan acara-acara Pemilihan Parti menurut Perkara 5.2 Peraturan Pemilihan Parti.
- 1.3. JPP akan mengeluarkan notis mengenai satu-satu acara Pemilihan yang akan dijalankan, selewat- lewatnya dua (2) minggu sebelum acara Pemilihan itu berlangsung, dalam satu notis atau dalam notis-notis yang berasingan.
- 1.4. JPP boleh meminda mana-mana notis yang telah dikeluarkan dan sekiranya perlu, melanjutkan satu- satu acara Pemilihan, menurut Perkara 9.3 Peraturan Pemilihan Parti.
- 1.5. Semua Notis Pemilihan, tatacara dan panduan pemilihan boleh dirujuk di laman sesawang rasmi Parti.
- 1.6. Notis Pemilihan boleh didapati di ibu pejabat Parti, Pejabat MPN dan Pejabat Cabang atau dicetak sendiri dari laman web rasmi Parti.

2. HEBAHAN KEPADA ANGGOTA PARTI

- 2.1. Kepimpinan Parti di semua peringkat adalah bertanggungjawab untuk menghebahkan tarikh-tarikh dan hal ehwal Pemilihan Parti kepada anggota-anggota Parti:
 - a) Melalui notis bersurat kepada anggota-anggota Parti dan kepada Ketua-ketua Ranting sama ada secara pos, faks atau e-mel.
 - b) Memaklumkan secara langsung melalui khidmat pesanan ringkas (*sms*), panggilan Telefon.
 - c) Ditampal notis di papan kenyataan atau tempat yang mudah dilihat di Pejabat Cabang dan Pejabat MPN.
 - d) Makluman di laman-laman sesawang, blog, facebook atau mana-mana saluran media sosial.
 - e) Mengadakan ikhtiar pengiklanan seperti iklan dalam akhbar, pemasangan bunting, kain rentang atau poster di tempat-tempat awam yang menjadi tumpuan anggota Parti atau dirasakan dapat sampai kepada pengetahuan anggota Parti.
 - f) Melalui apa-apa kaedah yang difikirkan perlu dan sesuai bagi tujuan hebahan.
- 2.2. Jika berlaku sebarang kekhilafan, salah faham dan ketidaksampaian makluman yang menyebabkan seseorang anggota tidak dapat menyertai mana-mana acara Pemilihan adalah tertakluk kepada Perkara 2.5 dan 9.3 Peraturan Pemilihan Parti. Pengaduan berkenaan hal ini hendaklah menurut Perkara 10.1 Peraturan Pemilihan Parti.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

B - DAFTAR ANGGOTA PARTI

1. PENETAPAN DAFTAR

- 1.1. Anggota Parti yang layak memilih adalah mereka yang telah berjaya mengemaskini (eKYC) dan mendaftar sebagai pengundi sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis Pimpinan Pusat pada 30 Mac 2025.
- 1.2. Ibu Pejabat akan mengeluarkan Daftar Anggota Parti yang akan digunakan dalam Pemilihan Parti 2025 sepertimana berikut:
 - 1.2.1 Bagi pemilihan di peringkat Cabang, mulai 23 Mac 2025.
 - 1.2.2 Senarai perwakilan bagi pemilihan di Kongres Nasional, mulai 26 April 2025.

2. SALINAN DAFTAR ANGGOTA PARTI

- 2.1. Ibu Pejabat akan mengedarkan sesalinan Ringkasan Daftar Anggota Parti kepada Setiausaha Cabang untuk pameran dan rujukan anggota-anggota Cabang.
- 2.2. Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 4.7 Peraturan Pemilihan Parti, calon-calon yang bertanding di peringkat Cabang boleh mendapatkan Daftar Anggota Parti dengan bayaran fi RM100 bagi setiap satu salinan.
- 2.3. Seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 4.7 Peraturan Pemilihan Parti, calon-calon yang bertanding di peringkat Pusat boleh mendapatkan senarai perwakilan dengan bayaran fi RM100 bagi setiap satu salinan.
- 2.4. JPP berhak menolak mana-mana permohonan bagi mendapatkan Daftar Anggota Parti dan Senarai perwakilan.

C - TATACARA PENCALONAN

1. PENCALONAN

- 1.1. Anggota-anggota Parti yang berkelayakan untuk dicalon, dipelawa menyatakan hasrat untuk bertanding dengan mengemukakan borang pencalonan secara atas talian di laman sesawang [pencalononan.keadilanrakyat.org](http://keadilanrakyat.org) dalam tempoh waktu yang ditetapkan oleh JPP.

2. NOTIS PENCALONAN

- 2.1. Bagi satu-satu Pemilihan Parti, JPP akan mengeluarkan Notis Pencalonan bagi memaklumkan kepada anggota-anggota Parti yang pencalonan dibuka dan cara bagaimana anggota-anggota boleh mengemukakan pencalonan masing-masing.
- 2.2. Dalam Notis Pencalonan, JPP akan memaklumkan:
 - a) Hari Pencalonan
 - b) Tempat Pencalonan
 - c) Tempoh Masa Pencalonan

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

3. TEMPOH PENCALONAN

- 3.1. Tempoh Pencalonan bermula dari hari Notis Pencalonan dikeluarkan oleh JPP dan berakhir pada jam 11:59 malam pada Hari Pencalonan yang ditetapkan oleh JPP.
- 3.2. Semua bakal calon hendaklah memastikan borang diserahkan secara atas talian melalui laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org dan diterima oleh JPP dalam tempoh pencalonan yang ditetapkan bagi jawatan yang ingin ditandinginya.
- 3.3. JPP berhak menolak mana-mana pencalonan yang diserahkan di luar dari tempoh pencalonan yang telah ditetapkan.

4. BORANG PENCALONAN

- 4.1. Pencalonan-pencalonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh JPP di laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org.
- 4.2. Borang-borang hendaklah dilengkapkan sepenuhnya secara atas talian beserta dokumen sokongan dan dihantar secara atas talian kepada JPP melalui laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org. Dokumen sokongan yang wajib dikemukakan bersama pencalonan adalah:
 - a) Carian kebankrapan terkini calon.
 - b) Resit yuran keanggotaan.
 - c) Resit yuran pencalonan.
- 4.3. Hanya satu (1) salinan borang pencalonan sahaja mencukupi untuk mengesahkan pencalonan.

5. JAWATAN DIPERTANDINGKAN

- 5.1. Senarai jawatan yang dibuka kepada Anggota Parti untuk ditandingi adalah seperti di jadual A Peraturan Pemilihan Parti.

Jadual A- Jawatan Dipertandingkan dan Bilangan Undi

Jawatan-Jawatan Peringkat Pusat

Majlis Pimpinan Pusat

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|----------------------------|----------------|---------------|
| Presiden | 1 | 1 |
| Timbalan Presiden | 1 | 1 |
| Naib Presiden | 4 | 4 |
| Ahli Majlis Pimpinan Pusat | 20 | 20 |

Majlis Pimpinan Angkatan Muda Keadilan

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|------------------------------------|----------------|---------------|
| Ketua AMK | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua AMK | 1 | 1 |
| Naib Ketua AMK | 3 | 3 |
| Ahli Majlis Pimpinan Angkatan Muda | 20 | 20 |

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

Majlis Pimpinan Wanita Keadilan

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|-----------------------------|----------------|---------------|
| Ketua Wanita | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Wanita | 1 | 1 |
| Naib Ketua Wanita | 3 | 3 |
| Ahli Majlis Pimpinan Wanita | 20 | 20 |

Jawatan-Jawatan Peringkat Cabang

Jawatankuasa Cabang

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|--------------------------|----------------|---------------|
| Ketua Cabang | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Cabang | 1 | 1 |
| Naib Ketua Cabang | 1 | 1 |
| Ahli Jawatankuasa Cabang | 15 | 15 |

Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|--|----------------|---------------|
| Ketua Angkatan | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Angkatan Muda Cabang | 1 | 1 |
| Naib Ketua Angkatan Muda Cabang | 1 | 1 |
| Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang | 15 | 15 |

Jawatankuasa Wanita Cabang

| Jawatan | Jumlah Jawatan | Bilangan Undi |
|---------------------------------|----------------|---------------|
| Ketua Wanita Cabang | 1 | 1 |
| Timbalan Ketua Wanita Cabang | 1 | 1 |
| Naib Ketua Wanita Cabang | 1 | 1 |
| Ahli Jawatankuasa Wanita Cabang | 7 | 7 |

6. BAYARAN PENCALONAN

- 6.1. Bayaran-bayaran berikut perlu dilunaskan semasa mengemukakan borang pencalonan:
- Yuran Tahunan Keanggotaan Tahun 2025 bagi Calon, Pencadang dan Penyokong
 - Yuran Pencalonan mengikut jawatan seperti dalam jadual B, Peraturan Pemilihan Parti.

Jadual B - Yuran Pencalonan

Yuran Pencalonan bagi Jawatan-Jawatan Peringkat Pusat

Majlis Pimpinan Pusat

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|----------------------------|------------------|
| Presiden | RM50,000 |
| Timbalan Presiden | RM35,000 |
| Naib Presiden | RM25,000 |
| Ahli Majlis Pimpinan Pusat | RM10,000 |

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

Majlis Pimpinan Wanita Keadilan

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|-----------------------------|------------------|
| Ketua Wanita | RM25,000 |
| Timbalan Ketua Wanita | RM10,000 |
| Naib Ketua Wanita | RM6,000 |
| Ahli Majlis Pimpinan Wanita | RM3,000 |

Majlis Pimpinan Angkatan Muda Keadilan

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|------------------------------------|------------------|
| Ketua AMK | RM25,000 |
| Timbalan Ketua AMK | RM10,000 |
| Naib Ketua AMK | RM6,000 |
| Ahli Majlis Pimpinan Angkatan Muda | RM3,000 |

Yuran Pencalonan bagi Jawatan-Jawatan Peringkat Cabang

Jawatankuasa Cabang

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|--------------------------|------------------|
| Ketua Cabang | RM600 |
| Timbalan Ketua Cabang | RM200 |
| Naib Ketua Cabang | RM150 |
| Ahli Jawatankuasa Cabang | RM60 |

Jawatankuasa Wanita Cabang

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|---------------------------------|------------------|
| Ketua Wanita Cabang | RM150 |
| Timbalan Ketua Wanita Cabang | RM90 |
| Naib Ketua Wanita Cabang | RM60 |
| Ahli Jawatankuasa Wanita Cabang | RM30 |

Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang

| Jawatan | Yuran Pencalonan |
|--|------------------|
| Ketua Angkatan | RM150 |
| Timbalan Ketua Angkatan Muda Cabang | RM90 |
| Naib Ketua Angkatan Muda Cabang | RM60 |
| Ahli Jawatankuasa Angkatan Muda Cabang | RM30 |

- 6.2. Bayaran pencalonan di semua peringkat hendaklah dibayar melalui kaedah atas talian di laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org.
- 6.3. Mana-mana pencalonan yang gagal melunaskan bayaran pencalonannya akan ditolak pencalonannya secara automatik.

7. CARA MENYERAHKAN BORANG PENCALONAN

- 7.1. Borang Pencalonan yang lengkap hendaklah diserahkan secara atas talian seperti di Perkara 4 Tatacara Pencalonan.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

8. MENETAPKAN NOMBOR CALON

- 8.1. Seperti diperuntukkan dalam Perkara 6.9 Peraturan Pemilihan Parti, susunan calon dalam Senarai Calon dan nombor calon untuk digunakan dalam pengundian akan ditentukan melalui kaedah masa penghantaran borang pencalonan secara atas talian melalui laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org

9. SENARAI PENCALONAN

- 9.1. Semua pencalonan yang dikemukakan dan diterima oleh JPP hendaklah dicatat dalam satu Senarai Pencalonan mengikut turutan masa penghantaran.
- 9.2. Senarai pencalonan akan dipamerkan oleh JPP di laman sesawang Parti dan aplikasi ADIL untuk tujuan semakan dan bantahan.
- 9.3. Senarai muktamad calon bagi semua peringkat jawatan akan dipamerkan oleh JPP di laman laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org selepas selesai proses semakan, bantahan dan rayuan.

10. BANTAHAN DAN SEMAKAN PENCALONAN

- 10.1. JPP menetapkan tempoh bantahan pencalonan adalah selama tiga (3) hari bekerja dari hari Senarai Pencalonan dipamerkan.
- 10.2. Setiap bantahan pencalonan hendaklah dilakukan secara atas talian di laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org dan menyertakan yuran bantahan sebanyak RM100.00.
- 10.3. Bukti-bukti yang mencukupi hendaklah disertakan bersama-sama bantahan.
- 10.4. Bantahan yang dibuat tanpa bukti akan tertolak secara automatik.
- 10.5. Nama- nama yang pencalonannya ditolak oleh JPP tidak akan tercatat dalam senarai anggota Parti yang menawarkan diri untuk bertanding yang dikeluarkan oleh JPP.
- 10.6. Rayuan boleh dikemukakan kepada JPP dalam tempoh waktu yang ditetapkan oleh JPP secara atas talian di laman sesawang pencalonan.keadilanrakyat.org.
- 10.7. Keputusan JPP terhadap mana-mana bantahan pencalonan dan rayuan adalah muktamad dan deposit bantahan tidak akan dikembalikan.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

11. PENARIKAN DIRI

- 11.1. Calon-calon boleh menarik diri seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 6.7 Peraturan Pemilihan Parti dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh JPP. Penarikan diri selepas tempoh masa tersebut adalah di atas budibicara penuh JPP.
- 11.2. Calon-calon boleh menarik diri dengan mengemukakan permohonan menarik diri menggunakan Borang Penarikan Diri yang disediakan oleh JPP.
- 11.3. Untuk penarikan diri pada setiap peringkat, yuran pencalonan akan tetap tidak dikembalikan.
- 11.4. Sekiranya calon itu menarik diri sebelum Daftar Anggota Parti yang menawarkan diri untuk bertanding dikeluarkan, JPP akan memotong nama calon itu daripada senarai tersebut.
- 11.5. Sekiranya calon itu menarik diri selepas Daftar Anggota Parti yang menawarkan diri untuk bertanding dikeluarkan, calon berkenaan hendaklah memaklumkan kepada JPP sebelum pengundian berjalan.

12. PEMBATALAN PENCALONAN

- 12.1. Dengan tidak mengira sama ada satu-satu pencalonan itu telah diterima dan tanpa tertakluk dengan adanya bantahan ataupun tidak, satu-satu pencalonan boleh ditolak dan dibatalkan oleh JPP, pada bila-bila masa, sekiranya JPP berpuas hati bahawa Calon berkenaan:
 - a) Dihalang memegang jawatan oleh Akta Pertubuhan 1966.
 - b) Dilarang bertanding atau memegang jawatan oleh MPP.
 - c) Selepas pencalonan kemudiannya didapati gagal memenuhi syarat kelayakan.
 - d) Menyandang jawatan dalam parti lain.
 - e) Menjadi anggota parti lain dan tidak pernah mengisytiharkan supaya keahliannya itu dibatalkan.
 - f) Gagal membetulkan kecacatan pada pencalonannya, apabila JPP mendapati terdapat kecacatan pada pencalonannya dan telah diberikan tempoh sewajarnya oleh JPP untuk kecacatan itu diperbetulkan.
 - g) Sabit pelanggaran Tataetika Pemilihan.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

D - TATACARA PENGUNDIAN

1. PENGUNDIAN

- 1.1. Jika pada Hari Pencalonan bagi satu-satu Pemilihan Parti, jumlah calon adalah lebih dari jumlah jawatan yang dipertandingkan, JPP hendaklah serta-merta mengisytiharkan bahawa satu pengundian akan dijalankan bagi jawatan tersebut.
- 1.2. Pengundian akan dijalankan secara dua (2) peringkat iaitu secara langsung di peringkat Cabang (satu anggota satu undi) dan secara perwakilan di Kongres Wanita, Kongres AMK dan Kongres Nasional seperti yang diperuntukkan di Perkara 7.2 Peraturan Pemilihan Parti.
- 1.3. Pengundian akan diadakan secara elektronik (e-undi) melalui pengundian atas talian atau fizikal (jika perlu) di aplikasi ADIL.

2. NOTIS PENGUNDIAN

- 2.1. JPP akan mengeluarkan Notis Pengundian bagi memaklumkan kepada anggota-anggota Parti yang terlibat:
 - a) Tarikh Hari Pengundian secara fizikal dan atas talian.
 - b) Jawatan-jawatan yang dipertandingkan.
 - c) Satu Senarai Calon mengikut susunan yang difikirkan sesuai oleh JPP.
 - d) Kedudukan Tempat Mengundi dan waktu Tempat Mengundi itu akan dibuka bagi pengundian secara fizikal.

3. PENGAWASAN PENGUNDIAN

- 3.1. Satu-satu pengundian secara fizikal di Cabang dan Kongres hendaklah dikendalikan oleh sekurang-kurangnya seorang Penyelaras Pemilihan dan beberapa orang pemantau dari JPP seperti diperuntukkan dalam Perkara 2 Peraturan Pemilihan Parti.
- 3.2. Jika berlaku keadaan-keadaan khas, Penyelaras Pemilihan dengan kebenaran JPP boleh melantik petugas-petugas pemilihan seberapa banyak yang difikirkannya perlu untuk membantunya menyelia proses pengundian fizikal. Kebenaran pelantikan ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh JPP.
- 3.3. Penyelaras Pemilihan harus memastikan urusan kawal selia dan kelancaran pada hari pengundian adalah pada tahap optimal.
- 3.4. Semua orang yang berada dalam Tempat Mengundi adalah di bawah pengawasan Penyelaras Pemilihan dan perlu patuh kepada semua arahan Penyelaras Pemilihan.
- 3.5. Penyelaras Pemilihan hendaklah mengawal selia bilangan pengundi yang hendak dibenarkan masuk pada satu-satu masa semasa pengundian dijalankan dan mengeluarkan semua orang lain yang tidak patut berada dalam tempat mengundi.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

4. TEMPOH PENGUNDIAN FIZIKAL

- 4.1. Tempoh Pengundian Fizikal pada Hari Pengundian adalah selama sembilan (9) jam kecuali jika berlaku keadaan-keadaan khas yang memerlukan masa tambahan, Penyelaras Pemilihan dengan kebenaran JPP boleh membuat keputusan tersebut.
- 4.2. Jika berlaku kelewatan dalam membuka pengundian, Penyelaras Pemilihan hendaklah menambah masa pengundian bagi mencukupkan tempoh yang diperuntukkan.
- 4.3. Jika pengundian terhenti oleh apa-apa sebab semasa pengundian, Penyelaras Pemilihan hendaklah menambah masa pengundian menurut jumlah masa yang terhenti itu bagi mencukupkan tempoh yang diperuntukkan itu.
- 4.4. Semasa tempoh pengundian hendak tamat, Penyelaras Pemilihan hendaklah menerima mana-mana anggota yang hadir dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk mengundi. Pengundi dibenarkan mengundi sehingga selesai dan barulah pusat pengundian boleh ditutup.

5. TEMPOH PENGUNDIAN ATAS TALIAN

- 5.1. Tempoh Pengundian atas talian pada Hari Pengundian akan berlangsung selama sembilan (9) jam serentak dengan hari pengundian fizikal diadakan di satu-satu Cabang mengikut Perkara 2 Notis Pengundian.

6. KERTAS UNDI DIGITAL

- 6.1. JPP akan membekalkan kepada Penyelaras Pemilihan sejumlah peralatan elektronik, yang mengandungi aplikasi kertas undi digital, dalam jumlah yang difikirkan cukup untuk keperluan pengundi bagi satu-satu Tempat Mengundi.
- 6.2. Penyelaras Pemilihan hendaklah memastikan keselamatan semua peralatan elektronik di bawah jagaannya dan hanya membuka aplikasi kertas undi digital apabila diperlukan sahaja.

7. PETI UNDI DIGITAL

- 7.1. Tiap-tiap undi digital yang dibuang secara atas talian atau fizikal di kawasan yang mempunyai capaian internet melalui aplikasi akan dimasukkan terus secara automatik ke satu (1) Peti Undi Mega.
- 7.2. Tiap-tiap undi digital yang dibuang secara fizikal di kawasan tanpa capaian internet melalui aplikasi ADIL akan disimpan sementara di peralatan elektronik tersebut dan akan dilaras oleh Penyelaras Pemilihan ke Peti Undi Mega sejerus mempunyai capaian internet.
- 7.3. Satu-satu undi digital yang telah dimasukkan itu tidak dibenarkan untuk dikeluarkan, dibuang, diubah, ditambah atau dimanipulasi kandungan data undian digital atau apa-apa cara yang dapat merubah struktur asal kandungan undi digital itu.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

8. DAFTAR ANGGOTA PARTI

- 8.1. JPP akan membekalkan satu Daftar Anggota Parti dalam bentuk pdf kepada Penyelaras Pemilihan untuk kegunaan pengundian fizikal.

9. TEMPAT PENGUNDIAN FIZIKAL

- 9.1. Tempat Pengundian seboleh-bolehnya berada dalam kawasan Parlimen bagi Cabang berkenaan. JPP boleh memutuskan mana-mana tempat di luar kawasan Parlimen atas sebab-sebab yang praktikal.
- 9.2. JPP boleh mengadakan lebih daripada satu Tempat Pengundian jika difikirkan perlu dan menentukan pengundi yang patut mengundi di Tempat tersebut.
- 9.3. Keputusan JPP mengenai Tempat Pengundian akan dimaklumkan kepada anggota-anggota dalam Notis Pengundian sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum pengundian bermula di Tempat Pengundian itu.
- 9.4. Tempat Pengundian terdiri daripada empat (4) bahagian:-
 - a) Ruang pengesahan pengundi;
 - b) Ruang menunggu pengundian;
 - c) Ruang pembuangan undi;
 - d) Ruang pemerhatian calon/wakil calon.
- 9.5 Barong Panas oleh calon-calon bertanding adalah tidak dibenarkan dibuka di sekitar Tempat Pengundian semasa Hari Pengundian dalam lingkungan 500 meter. Pelucutan kelayakan untuk bertanding oleh JPP akan dikenakan terhadap mana-mana calon yang melanggar perkara ini dan keputusan JPP adalah muktamad.

10. PANDUAN MENGUNDI

- 10.1. Satu garis panduan yang ringkas dan mudah difahami hendaklah dipamerkan oleh JPP di luar dan di dalam tempat pengundian fizikal semasa proses pembuangan undi seperti mana yang terkandung dalam Perkara 9.2 Peraturan Pemilihan Parti.
- 10.2. Manakala garis panduan pengundian secara atas talian yang ringkas dan mudah difahami hendaklah dipamerkan oleh JPP di aplikasi dan laman sesawang ADIL

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

11. TATACARA PENGUNDIAN FIZIKAL - CABANG

- 11.1 Anggota yang layak mengundi hendaklah mengemukakan kad pengenalan atau lesen atau pasport untuk mengesahkan identitinya semasa mendaftar untuk mengundi.
- 11.2 Pengundi akan diberikan akses kepada kertas undi digital di ruang mengundi setelah pengesahan diri berjaya.
- 11.3 Pengundi itu hendaklah menyemak kembali pilihan undian yang telah dibuat sebelum menekan butang 'HANTAR' dan tanpa kelengahan yang tidak wajar pengundi hendaklah meninggalkan Tempat Pengundian dengan serta-merta setelah melengkapkan pengundiannya.

12. TATACARA PENGUNDIAN FIZIKAL - KONGRES

- 12.1. Perwakilan yang layak mengundi hendaklah mengemukakan kad pengenalan atau lesen atau pasport untuk mengesahkan identitinya sewaktu pengundian di Kongres.
- 12.2. Perwakilan akan diberikan akses kepada kertas undi digital di ruang mengundi setelah pengesahan diri berjaya.
- 12.3. Perwakilan itu hendaklah menyemak kembali pilihan undian yang telah dibuat sebelum meneruskan proses pengundian.
- 12.4. Perwakilan hendaklah meninggalkan tempat pengundian dengan serta-merta setelah melengkapkan pengundiannya.

13. TATACARA PENGUNDIAN ATAS TALIAN - KONGRES

- 13.1. Perwakilan Biasa dan Perwakilan Tambahan akan mengundi secara atas talian pada hari Kongres Nasional sepertimana di Fasal 17.2A (c) (ii) dan (iii) Perlembagaan Parti.

14. MEMBUKA PENGUNDIAN FIZIKAL

- 14.1 Penyelaras Pemilihan hendaklah membuka pusat pengundian fizikal pada waktu dan tempat sepertimana yang terkandung dalam Notis Pengundian.

15. MENUTUP PENGUNDIAN FIZIKAL

- 15.1. Apabila waktu untuk menutup pengundian hampir tiba, Penyelaras Pemilihan hendaklah memberi peringatan kepada hadirin bahawa pengundian akan tamat. Peringatan pertama hendaklah diberikan pada 15 minit sebelum tamat dan peringatan terakhir hendaklah diberikan pada 5 minit sebelum tamat.
- 15.2. Pada saat yang telah ditetapkan untuk Pengundian itu ditutup, Penyelaras Pemilihan hendaklah memaklumkan kepada hadirin bahawa pengundian telah ditutup dan tidak membenarkan lagi mana- mana orang yang lewat masuk ke kawasan tempat pengundian.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

- 15.3. Apabila pengundi yang terakhir telah selesai membuang undinya, Penyelaras Pemilihan hendaklah memastikan perkara berikut:
- Tiada lagi kertas undi digital dimasukkan ke dalam Peti Undi Mega.
 - Semua peralatan elektronik yang mengandungi aplikasi kertas undi digital hendaklah disimpan rapi dan selamat.

16. KEBENARAN MASUK KE RUANG PEMBUANGAN UNDI

- 16.1. Tiada seorang pun boleh dibenarkan masuk ke dalam Ruang Pembuangan Undi kecuali:
- Anggota yang mengundi secara fizikal.
 - Penyelaras Pemilihan.
 - Ahli JPP dan ahli Sekretariatnya.
 - Koordinator Pemilihan Negeri bagi Cabang berkenaan dan ahli Sekretariatnya.
 - Calon yang terlibat dalam pemilihan itu atau wakil yang dilantiknya secara bertulis.
- 16.2. Penyelaras Pemilihan dengan kebenaran JPP boleh membuat apa-apa peraturan atau keputusan bagi melarang mana-mana orang selain yang dinyatakan di Perkara 14.1 hadir di Ruang Pembuangan Undi untuk memastikan Ruang Pembuangan Undi itu tidak sesak, kerahsiaan undi terpelihara dan tiada gangguan tidak sewajarnya ke atas keseluruhan proses pengundian.

17. BANTUAN KEPADA PENGUNDI KURANG UPAYA, BUTA PENGLIHATAN, BUTA HURUF DAN CACAT ANGGOTA

- 17.1. Bagi pengundi yang cacat penglihatan, buta huruf atau cacat anggota badan-mereka dibenarkan untuk membawa pembantu.
- 17.2. Jika pengundi tidak membawa pembantu, Penyelaras Pemilihan bolehlah melantik petugas pemilihan untuk membantu pengundi itu.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

E - TATACARA PEMILIHAN PERWAKILAN

1. PEMILIHAN PERWAKILAN BIASA CABANG DAN PERWAKILAN TAMBAHAN CABANG

1.1.40 Perwakilan Biasa dan Perwakilan Tambahan berikutnya akan dipilih melalui senarai pencalonan perwakilan dari calon-calon Ketua Cabang semasa pencalonan pemilihan Cabang.

- a. Senarai akhir perwakilan akan ditentukan melalui kaedah yang berikut:-
 - i. Peratusan perolehan undi oleh setiap calon Ketua Cabang mestilah melebihi nilai ambang 15% yang keluar mengundi.
 - ii. Calon Ketua Cabang yang menang layak membawa Perwakilan Biasa dan/atau Perwakilan Tambahan mengikut jumlah peratusan undi yang diperolehinya. Calon Ketua Cabang yang kalah layak membawa Perwakilan Biasa dan/atau Perwakilan Tambahan mengikut jumlah peratusan undi yang diperolehinya dengan syarat undi yang diperoleh melebihi nilai ambang 15%.
 - iii. Jika berlaku situasi di mana seseorang Calon Ketua Cabang tidak melepasi nilai ambang 15%, maka peratusan undi yang diperoleh calon berkenaan akan diimbang semula (rebalance) dengan jumlah peratusan undi yang diperoleh oleh Calon Ketua Cabang yang melepasi nilai ambang 15%.

Situasi:

Calon A: mendapat 50% undi

Calon B: mendapat 40% undi

Calon C: mendapat 10% undi

Maka, Calon C tidak layak menghantar perwakilan kerana tidak melepasi 15% nilai ambang yang ditetapkan oleh JPP.

10% yang diperoleh Calon C akan diimbangkan semula kepada Calon A dan Calon B. Setelah imbalan semula dibuat, Calon A akan mendapat 55% dan Calon B akan mendapat 45% kelayakan untuk menghantar perwakilan mereka dari senarai pencalonan yang telah dikemukakan.

- iv. Daripada keseluruhan peratusan undi yang diperoleh, senarai perwakilan tersebut harus merangkumi sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita, 30% angkatan muda dan harus merangkumi kepelbagaian gender dan etnik minoriti. Sekiranya senarai pencalonan di Perkara 1.1 di atas tidak memenuhi kehendak ini, JPP berhak untuk meminta calon-calon yang layak menghantar perwakilan untuk melengkapkan semula senarai pencalonan perwakilan mereka.

Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

- v. Setiap Perwakilan Tambahan cabang akan dikira seperti berikut dengan jumlah maksimum 70 Perwakilan Tambahan:-

3000 - 4000 = tambahan 10 perwakilan
4001 - 5000 = tambahan 10 perwakilan
5001 - 6000 = tambahan 10 perwakilan
6001 - 7000 = tambahan 10 perwakilan
7001 - 8000 = tambahan 10 perwakilan
8001 - 9000 = tambahan 10 perwakilan
9001 - ke atas = tambahan 10 perwakilan

- vi. Bagi Perwakilan Tambahan wanita dengan jumlah maksimum 45 Perwakilan Tambahan adalah seperti berikut:-

1000 - 1500 = tambahan 5 perwakilan
1501 - 2000 = tambahan 5 perwakilan
2001 - 2500 = tambahan 5 perwakilan
2501 - 3000 = tambahan 5 perwakilan
3001 - 3500 = tambahan 5 perwakilan
3501 - 4000 = tambahan 5 perwakilan
4001 - 4500 = tambahan 5 perwakilan
4501 - 5000 = tambahan 5 perwakilan
5001 - ke atas = tambahan 5 perwakilan

- vii. Bagi Perwakilan Tambahan Angkatan Muda Keadilan dengan jumlah maksimum 50 Perwakilan Tambahan adalah seperti berikut:-

500 - 1000 = tambahan 10 perwakilan
1001 - 1500 = tambahan 10 perwakilan
1501 - 2000 = tambahan 10 perwakilan
2001 - 2500 = tambahan 10 perwakilan
2501 - ke atas = tambahan 10 perwakilan

- viii. Senarai akhir perwakilan akan dikeluarkan oleh JPP tiga (3) hari selepas pengundian Cabang berakhir.

F- TATACARA PENGIRAAN

1. KAEDAH PENGIRAAN UNDI SECARA LANGSUNG

- 1.1. Undi yang disimpan di Peti Undi Mega, akan dikira secara automatik dalam tempoh 24 jam dari berakhirnya tempoh pengundian secara langsung.

2. KAEDAH PENGIRAAN UNDI SECARA PERWAKILAN

- 2.1. Undi yang disimpan di Peti Undi Mega akan dikira secara automatik dalam tempoh 24 jam selepas berakhirnya tempoh pengundian secara perwakilan.

3. KEPUTUSAN SEMASA PROSES PENGIRAAN

- 3.1. Jika berlaku sebarang pertikaian semasa proses pengiraan, JPP berhak memberikan keputusannya menurut peruntukan Perkara 2.4(e) Peraturan Pemilihan Parti.
- 3.2. Calon atau pemerhatinya berhak memberikan pandangan tetapi hendaklah patuh kepada keputusan Penyelaras Pemilihan.

4. MEMUTUSKAN PERSAMAAN JUMLAH UNDI CALON-CALON BAGI SATU-SATU JAWATAN

- 4.1. Jika JPP mendapati terdapat persamaan jumlah undi calon-calon bagi satu-satu jawatan dan keputusan bagi satu-satu jawatan itu tidak dapat ditentukan, keputusan calon yang terpilih hendaklah ditentukan melalui cabut undi seperti diperuntukkan di Perkara 8.3 Peraturan Pemilihan Parti.
- 4.2. Kaedah cabutan undi adalah yang dirasakan sesuai mengikut JPP dengan penyaksian calon-calon dan/atau wakilnya di satu tempat yang ditentukan oleh JPP.

5. PENGUMUMAN KEPUTUSAN PENGIRAAN UNDI

- 5.1. JPP hendaklah memastikan keputusan satu-satu pengundian yang telah selesai proses pengiraan undi diumumkan dan dipamer di aplikasi dan laman sesawang ADIL seperti diperuntukkan di Perkara 8.3 Peraturan Pemilihan Parti.
- 5.2. Bantahan yang dikemukakan kepada JPP seperti di Perkara 5.2 hendaklah disertakan dengan yuran bantahan sebanyak RM100.00.
- 5.3. Sebarang keputusan yang dibuat oleh JPP dalam perkara ini adalah muktamad dan yuran bantahan tidak akan dikembalikan.

G - TATACARA BANTAHAN, ADUAN DAN RAYUAN

1. PELANGGARAN TERHADAP PERATURAN, TATACARA DAN TATAETIKA PEMILIHAN

- 1.1. Sebarang dakwaan terhadap pelanggaran Peraturan, Tatacara dan Tataetika Kempen Pemilihan hendaklah dikemukakan kepada JPP seperti diperuntukkan dalam Perkara 10.1 Peraturan Pemilihan Parti.
- 1.2. Sebarang pengaduan hendaklah dikemukakan secara bertulis beserta dengan keterangan, fakta aduan, dan dokumen sokongan yang boleh memberi merit pada pengaduan itu dan dihantar melalui emel ke aduanjpp@keadilanrakyat.org. atau secara serahan tangan di ibu pejabat Parti Keadilan Rakyat.

2. YURAN BANTAHAN, ADUAN DAN RAYUAN

- 2.1. Mana-mana bantahan, aduan atau rayuan kecuali rayuan dalam tempoh pencalonan dan yang mana jumlahnya telah ditetapkan secara spesifik, mana-mana bantahan, aduan atau rayuan yang dikemukakan kepada JPP hendaklah disertakan dengan yuran sebanyak RM100.00.
- 2.2. JPP tidak akan melayan mana-mana pengaduan yang tidak disertakan dengan yuran bantahan, aduan atau rayuan.



Tatacara Pemilihan Parti

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

- 2.3. Samada bantahan, aduan dan rayuan diterima atau ditolak, yuran di Perkara 2.1 Tatacara Bantahan, Aduan dan Rayuan tidak akan dikembalikan kepada pengadu.

3. KEPUTUSAN BANTAHAN, ADUAN DAN RAYUAN

- 3.1. Sebarang keputusan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Peraturan Pemilihan Parti, Tatacara Pemilihan Parti dan Tataetika Kempen.

4. RAYUAN

- 4.1. Rayuan selepas tempoh Pemilihan hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Rayuan Pemilihan Parti.

Jawatankuasa Rayuan akan meneliti, membuat siasatan dan membuat sebarang saranan atau cadangan kepada JPP untuk tindakan selanjutnya dan keputusan JPP adalah muktamad.



Tataetika

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

TATAETIKA PEMILIHAN KEADILAN 2025

A. KUATKUASA

1. Tataetika Pemilihan ini berkuatkuasa sepanjang tempoh satu-satu Pemilihan parti.
2. Tataetika ini adalah tambahan kepada Tataetika Anggota Parti semasa berlangsungnya Pemilihan Parti. Peruntukan Tataetika Anggota Parti dan kuasa Lembaga Disiplin tidak dalam apa-apa jua terjejas dan berkurang.
3. Mana-mana anggota yang melanggar tataetika ini atau membenarkan secara sedar mana-mana orang melakukannya bagi pihaknya boleh dikenakan tindakan disiplin. JPP tidak akan teragak-agak menggunakan kuasanya untuk menyingkirkan atau menghalang mana-mana anggota daripada Pemilihan Parti atau mengambil sebarang sekatan yang difikirkan sesuai bagi menguatkuasakan tataetika ini.

B. TEMPOH KEMPEN FIZIKAL

1. Tempoh berkempen secara fizikal bermula pada waktu penamaan calon telah diperakui oleh JPP selepas tempoh bantahan dan rayuan sehingga jam 11.59 tengah malam sebelum hari pengundian.
2. Mana-mana calon yang berkempen secara fizikal selepas jam 11.59 tengah malam iaitu pada masuknya hari pengundian, pencalonan mereka boleh dibatalkan oleh JPP.

C. HURAIAN

1. Mana-mana anggota yang bertanding dan penyokongnya hendaklah memastikan pemilihan parti berlangsung dalam suasana yang adil dan sihat.
2. Kerahsiaan undi seseorang anggota itu hendaklah terpelihara.
3. Sebarang tindakan yang boleh disifatkan sebagai kekerasan, pemaksaan dan ugutan bagi meraih sokongan adalah dilarang sama sekali.
4. Sebarang perbuatan yang bertujuan membeli undi seperti pemberian dalam bentuk wang, barangan atau tawaran adalah dilarang sama sekali.



Tataetika

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

5. Apa-apa kenyataan, ucapan, atau bahan kempen semasa Pemilihan Parti hendaklah berasaskan rekod kerja calon, pencapaiannya atau perancangannya untuk Parti. Ucapan dan/atau kempen yang berbau perkauman, kasta, menggugalkan sentimen agama, institusi raja adalah dilarang sama sekali.
6. Mana-mana calon atau penyokongnya adalah dilarang daripada mengganggu gugat sebarang perjalanan proses dan acara Pemilihan Parti. Sebarang ketidakpuasan hendaklah dimajukan kepada JPP atau pegawai yang ditugaskan
7. Sebarang perselisihan yang timbul dalam Pemilihan Parti hendaklah dimajukan kepada JPP untuk penyelesaian. Sebarang perselisihan berkaitan dilarang sama sekali dibawa kepada media atau dihebahkan kepada umum.
8. Menyebarkan berita palsu dan/atau memfitnah mana-mana calon lain dan/atau JPP sepanjang tempoh berkempen dilarang sama sekali.
9. Sekiranya calon didapati melanggar mana-mana bahagian ini, pencalonannya akan terbatal secara automatik oleh JPP dan akan dihadapkan ke Lembaga Disiplin parti.

D. TATAETIKA KEMPEN

Pemilihan Keadilan harus dijalankan dengan semangat persaudaraan, demokratik, adil dan bersih demi memperkukuhkan agenda reformasi. Anggota parti diberi peluang untuk memilih pemimpin yang wibawa untuk menggubal dasar parti di peringkat pusat dan cabang yang akan membawa parti ke mercu kejayaan dalam pilihanraya, lantas menjadi pemerintah yang memacu negara tercinta ke tahap yang amat membanggakan.

Dengan ini, JPP menegaskan semua calon yang bertanding dapat berkempen dalam suasana yang aman, damai dan sihat. Sejajar dengan menyuburkan demokasi, calon-calon dinasihatkan supaya menerapkan Tataetika berikut dalam kempen mereka.

1. Tumpukan kempen kepada pencerahan tentang manifesto dan aktiviti yang akan ditawarkan bagi tujuan memperkukuhkan Parti Keadilan Rakyat.
2. Gunakan potensi dan prestasi sendiri seperti gerak kerja, ketrampilan diri dan sebagainya untuk menarik sokongan anggota parti.
3. Boleh mengadakan ceramah dan majlis jamuan makan dalam suasana yang aman, damai dan sihat dengan kehadiran bilangan anggota yang terkawal.



Tataetika

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

4. Jangan gunakan budaya tuduh menuduh sesama calon. Ditegah sama sekali membuat serangan peribadi pada calon lain.
5. Untuk pemilihan di peringkat cabang dan pusat, bahan-bahan kempen berbentuk fizikal seperti *banner*, *poster besar*, *bunting*, *streamer* dan sebagainya tidak dibenarkan dipamerkan di khalayak ramai pada jangkawaktu kempen rasmi yang di wartakan JPP.

Manakala untuk pemilihan di peringkat pimpinan pusat, termasuk Wanita pusat dan AMK pusat, bahan kempen berbentuk fizikal mahupun atas talian atau apa sahaja cara berkempen yang mencerminkan unsur- unsur kempen berkumpulan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Sebarang bentuk kempen adalah tidak dibenarkan sama sekali pada hari pengundian berlangsung.

6. Ditegah berkempen secara kekerasan dan ugutan untuk meraih undi.
7. Perbuatan politik wang adalah satu pemberian tunai dalam sebarang bentuk dan pemberian hadiah atau apa-apa sahaja pemberian bentuk kebendaan yang untuk tujuan meraih undi (membeli undi), adalah ditegah sama sekali. Pencalonan akan terbatal secara automatik sekiranya terbukti calon-calon atau orang yang mewakilinya terlibat. (*yang disebut oleh LD telah dirangkumkan di perkara ini*)
8. Calon-calon dilarang menggunakan kedudukan dan apa sahaja kemudahan awam dalam kerajaan dan parti untuk berkempen.
9. Calon-calon dilarang menggunakan aset parti untuk berkempen.
10. Pada hari pengundian di pusat pengundian fizikal, tiada sebarang bentuk kempen termasuklah membuka barong panas dibenarkan dalam radius 500 meter dari Tempat Pengundian yang diwartakan oleh JPP.



Tataetika

Diluluskan MPP 23 Feb 2025 dan Biro Politik 3 Mac 2025

E. TATAETIKA PEMILIHAN ATAS TALIAN

1. Anggota dilarang berkumpul melebihi 50 orang di mana-mana premis untuk membuang undi secara atas talian.
2. Calon atau wakilnya dilarang untuk mengadakan usaha mengumpulkan anggota yang mengundi secara atas talian di mana-mana premis untuk membuang undi. JPP akan mengambil tindakan yang keras terhadap calon atau mana-mana wakilnya yang melanggar ketentuan ini.

F. TATAETIKA PEMILIHAN SECARA FIZIKAL

1. Calon atau wakil calon hanya boleh berada di tempat yang ditetapkan JPP sahaja.
2. Hanya Penyelaras Pemilihan sahaja yang boleh mengendalikan peralatan elektronik yang disediakan untuk Pemilihan Secara Fizikal.